

Tidak perlu undang campur tangan asing

BH 31 MAR 2005

Oleh M Noh Senan dan Munaarfah Abu Bakar

BANDAR BARU SERTING, Jumaat – Kerajaan, yang tidak mahu orang asing campur tangan urusan dalam negara, kesal dengan tindakan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengadakan pertemuan sulit dengan beberapa diplomat asing berhubung isu rawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim di luar negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata apabila orang asing mencampuri hal ehwal dalam negara ini, ia bermakna kebebasan negara ini sudah dibelenggu.

“Hari ini kita undang mereka suruh campur tangan, esok janganlah marah kalau mereka ambil tindakan bagi menentukan siapa jadi perdana menteri, menteri dan sebagainya.

“Ini sudahpun berlaku di tempat lain,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno Jempol dan Jelebu di Kompleks Pejabat Kerajaan daerah Jempol di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan yang menyebut beberapa diplomat asing menghadiri satu pertemuan sulit semalam mengenai kesihatan bekas timbalan perdana menteri itu yang me-

“Hari ini kita undang mereka suruh campur tangan, esok janganlah marah kalau mereka ambil tindakan bagi menentukan siapa jadi perdana menteri, menteri dan sebagainya”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

ngalami sakit tulang belakang.

Laporan itu menyebut, pertemuan yang diadakan di sebuah hotel di Petaling Jaya, dikawal ketat dan cuba dirahsiakan daripada pengetahuan media.

Antara diplomat asing yang dilaporkan hadir dalam perjumpaan itu ialah dari kedutaan Amerikat Syarikat, Perancis, Indonesia, Kanada, Australia dan New Zealand.

Perdana Menteri berkata, seelok-eloknya rakyat menyelesaikan sendiri masalah mereka tanpa perlu campur tangan pihak luar.

“Apa juga masalah yang kita hadapi, kita selesaikan sesama kita... tak payah minta tolong orang lain,” katanya.

Difahamkan taklimat hampir dua jam anjuran

Keadilan itu bertujuan mendapatkan sokongan pihak terbabit dalam memberi tekanan kepada kerajaan supaya membenarkan Anwar menjalani rawatan penyakit tulang belakangnya di luar negara.

Selain Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, turut hadir ialah Presiden Pas Datuk Fadzil Noor, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali dan Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock.

Di KUALA LUMPUR, pegawai akhbar Kedutaan Amerika Syarikat, James Warren, menafikan bekas duta besarnya, John R Mallot, turut menghadiri pertemuan itu. Malah, katanya, Mallot sudah hampir setahun tidak datang ke Malaysia sejak bersa-

ra daripada jawatan itu.

Bagaimanapun, beliau mengakui dua pegawainya menghadiri pertemuan tertutup itu kerana memang menjadi amalan pegawai kedutaan menemui rakyat Malaysia termasuk ahli politik sebagai sebahagian tugas diplomatik mereka.

Katanya, kedutaan itu menerima jemputan Dr Wan Azizah Selasa lalu bagi menghadiri perjumpaan itu.

“Apa yang dilaporkan itu tidak tepat sama sekali memandangkan Mallot sudah tidak ke sini sejak setahun lalu. Bagaimanapun, kami ada menghantar dua pegawai sebagai pemerhati dalam taklimat itu,” katanya ketika dihubungi di sini.

Ditanya sama ada kehadiran pegawai kedutaan itu menunjukkan mereka bersimpati dengan Kempen Bebaskan Anwar (FAC), Warren berkata mereka menghadiri taklimat itu sebagai rutin biasa selepas menerima jemputan.

“Perkara yang sama juga dilakukan oleh mana-mana pegawai Kedutaan Malaysia dalam urusan diplomatik dengan mana-mana negara asing, begitu juga

dalam mana-mana hubungan diplomatik lain di dunia,” katanya.

Jurucakap Kedutaan Perancis pula ketika dihubungi mengesahkan menghantar wakil bagi menghadiri pertemuan itu.

Beliau juga berkata, kehadiran pegawai itu adalah sekadar memenuhi jemputan yang dibuat Keadilan tanpa berniat mencampuri urusan dalaman Malaysia.

“Kehadiran wakil kami adalah sebagai pemerhati dan tidak ada kaitan dengan politik Malaysia kerana itu bukan dasar kerajaan Perancis,” katanya.

Pegawai Penerangan Kedutaan Indonesia, Wisno Gunardi ketika dihubungi berkata, pihaknya hanya mengetahui mengenai perkara itu selepas membaca laporan hari ini.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut dan berjanji akan mengeluarkan kenyataan mengenai kejadian itu tidak lama lagi.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock menjelaskan beliau berada di hotel berkenaan bukan untuk perjumpaan itu tetapi bagi menghadiri satu mesyuarat lain.